

SEKOLAH KEBANGSAAN PUCHONG INDAH
JALAN INDAH 2/1,47150 PUCHONG,
SELANGOR DARUL EHSAN.

MINIT MESYUARAT KURIKULUM KALI KE- 4 / 2021

Tarikh : 16 November 2021
Masa : 12.00 tengah hari
Tempat : Anjung Indah, SK Puchong Indah
Pengerusi : Pn Nik Suhaida binti Razak (Guru Besar)
Kehadiran :

- | | | |
|-----|-----------------------------------|-----------------------------|
| 1. | Pn Nik Suhaida bt Razak | Guru Besar |
| 2. | Pn Norhamizar bt Ismail | PK Pentadbiran |
| 3. | Pn Nor Ashikin bt Ibrahim | Setiausaha Kurikulum |
| 4. | Pn Nor Azura bt Zaimardzuki | KP Bahasa Melayu |
| 5. | Pn Nur Syafiqah bt Kamaruddin | Wakil KP Bahasa Inggeris |
| 6. | Pn Nor Muna Hamdi bt Ahmad Mahdi | KP Sains |
| 7. | En Hissamuddin bin Iberahim | KP Pend Islam |
| 8. | En Nishandra a/l Shanmugam | KP Pend Moral |
| 9. | Pn Elaveni a/p Nagappan | KP Bahasa Tamil |
| 10. | Pn Nor Esmayanti bt Sailan | KP Sejarah |
| 11. | En Ali bin Abdu | KP Pend Seni Visual |
| 12. | En Mohd Syahir bin Superde | KP Pend Jasmani & Kesihatan |
| 13. | Pn Fatin Liyana bt Fadzil | KP RBT |
| 14. | En Ahmad Fawwaz Danial bin Fadzil | KP Pend. Muzik |
| 15. | Pn Nurizzati bt Ishak | Wakil KP Bahasa Arab |

Turut Hadir : -

Tidak Hadir (Bersebab) :

- | | | |
|----|-------------------------|------------|
| 1. | Pn Roselind bt Mustapha | Cuti Sakit |
|----|-------------------------|------------|

Urus Setia Mesyuarat :

- | | | |
|----|---------------------------|----------------------|
| 1. | Pn Nor Ashikin bt Ibrahim | Setiausaha Kurikulum |
|----|---------------------------|----------------------|

1. **PERUTUSAN Pengerusi**

- 1.1 Pengerusi mengalu-alukan kedatangan guru-guru dengan ucapan terima kasih.

2. PERKARA-PERKARA BAHARU

2.1 KPMPerkasaKU

- 2.1.1 Setiap panitia sepatutnya telah selesai mengadakan taklimat KPMPerkasaKU bersama ahli-ahli panitia. Nama-nama guru yang telah hadir taklimat tersebut boleh diserahkan kepada Pn Roseliza untuk pengisia SPLKPM.
- 2.1.2 Ketua-ketua panitia ditegaskan tentang Catch Up Plan 1 dan Catch Up Plan 2. Catch Up Plan 1 (CUP 1) iaitu yang sedang berjalan sekarang sehingga 10 Disember 2021.
- 2.1.3 CUP 2 akan dijalankan bermula Januari sehingga Februari 2022 atau dikenali sebagai Bridging Plan. Dalam waktu ini, Pelan Intervensi dijalankan untuk murid-murid yang mendapat TP1 dan TP2. Mankala, program pengayaan dijalankan untuk murid-murid yang mendapat TP 3 dan ke atas.
- 2.1.4 Guru-guru perlu berusaha meningkatkan keupayaan murid untuk mencapai sekurang-kurangnya TP3 dengan pelbagai inisiatif. Bagi murid-murid yang tidak berupaya mencapai TP3, eviden perlu disediakan.
- 2.1.5 Ketua-ketua panitia perlu memaklumkan kepada guru-guru dalam sesi PLC perkara-perkara penting seperti M2P (Mampatan, Pecutan, Pengayaan), KAK (Kandungan Asas Kurikulum), CUP1, CUP2 dan 4P. Guru-guru perlu maklum dan memahami setiap perkara tersebut.

Tindakan : Ketua Panitia

2.2 Pentaksiran Setara Standard (PSS)

- 2.2.1 Semua murid terlibat dari Tahun 1 hingga Tahun 6.
- 2.2.2 Ia adalah pentaksiran sumatif yang dijalankan mengikut Jadual Spesifikasi Ujian (JSU) yang setara ditetapkan.
- 2.2.3 Ia juga satu bentuk ujian formal bagi mengesan tahap pencapaian murid dalam sesuatu tahap persekolahan.
- 2.2.4 Item soalan yang dibina haruslah mengikut justifikasi JSU. Ia merangkumi 5:3:2 iaitu aras rendah: aras sederhana : aras tinggi.
- 2.2.5 Sekolah diberi kebebasan untuk memilih mekanisme pentaksiran yang sesuai. Format soalan juga mengikut kesesuaian mata pelajaran masing-masing.
- 2.2.6 Semua mata pelajaran termasuk teras dan elektif terlibat dengan PSS.
- 2.2.7 Tarikh pelaksanaan bermula 21 Novembef 2021 sehingga 3 Disember 2021.
- 2.2.8 Guru mata pelajaran bertanggungjawab dalam menyediakan soalan dan menyemak jawapan murid.
- 2.2.9 Jika soalan PSS disalin dari papan putih, eviden perlu disediakan. Contohnya mengambil gambar atau murid-murid menulis tajuk PSS pada buku atau helaian kertas mereka.
- 2.2.10 Sepanjang PSS, penulisan ERPH seperti biasa tetapi catatan PSS diletakkan pada refleksi.
- 2.2.11 PSS adalah penggantian Pasca Ujian yang sebelum ini telah diputuskan dalam taklimat yang lalu.

- 2.2.12 Bagi tahap 1, soalan literasi dan numerasi yang telah ada boleh digunakan untuk Pentaksiran Setara Standard (PSS) bagi mata pelajaran Bahasa Melayu dan Matematik.
- 2.2.13 Bagi mata pelajaran Pendidikan Muzik, pentaksiran boleh dibuat dengan kaedah nyanyian oleh murid. Eviden juga mesti disertakan.
- 2.2.14 Bagi mata pelajaran Pendidikan Seni Visual, hasil kerja murid akan ditaksir. Setiap aliran akan diberi 1 tajuk sebagai projek mereka.
- 2.2.15 Bagi soalan bertulis, bilangan soalan tidak perlu banyak. Format kertas 1 dan kertas 2 boleh digabungkan mengikut kesesuaian.
- 2.2.16 Satu set soalan dan JSU perlu diserahkan kepada ketua panitia untuk simpanan.
- 2.2.17 Guru-guru perlu menetapkan markah bagi setiap murid mengikut pencapaian mereka.

Tindakan : Ketua Panitia

2.3 Pentaksiran Bilik Darjah (PBD)

- 2.3.1 Kaedah pentaksiran PBD akan diterangkan dengan lebih lanjut oleh penceramah yang akan dijemput kelak. Ia adalah pencerahan tentang bagaimana menetapkan TP kepada murid-murid.
- 2.3.2 Semasa Pentaksiran Setara Standard (PSS) dijalankan, pengisian PBD juga perlu dibuat berdasarkan pencapaian murid.
- 2.3.2 Borang-borang penjaminan kualiti (4P) perlu dilengkapi setiap kali aktiviti penerangan, perjumpaan, perbincangan atau taklimat diadakan.

2.4 Penjaminan Kualiti

- 2.4.1 Folder penjaminan kualiti perlu diwujudkan.
- 2.4.2 Penjaminan kualiti merangkumi:
 - 2.4.2.1 Pementoran seperti menyampaikan maklumbalas tentang sesuatu perkara atau proses membantu dan membimbing guru.
 - 2.4.2.2 Pemantauan seperti mengawalselia pelaksanaan sesuatu perkara.
 - 2.4.2.3 Penyelarasan seperti memastikan keseragaman tugasan dan skor..
 - 2.4.2.4 Pengesanan seperti menilai instrumen PBD untuk mengenalpasti kekuatan dan kelemahan instrumen serta menilai kesahan instrumen.
 - 2.4.2.5 Terdapat borang yang disediakan untuk diisi bagi setiap proses tersebut. Semua borang tersebut perlu disimpan dalam Folder Penjaminan Kualiti.

3. HAL-HAL LAIN

- 3.1 Penulisan ERPH perlu mengikut garis panduan yang telah ditetapkan iaitu murid-murid perlu diagihkan kepada 3 kumpulan sasaran. Jadi, objektif, aktiviti dan impak perlu bersesuaian dengan kumpulan tersebut.

4. **PENUTUP**

- 4.1 Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua guru yang hadir.
- 4.2 Mesyuarat ditangguhkan pada jam 1.30 petang.

Urus Setia
Mesyuarat Kurikulum
SK Puchong Indah
Tarikh : 22 November 2021